

Newspaper	Sinar Harian
Date	20/2/2011

# Pas jaminan pertahanan kepentingan Melayu

**MOHAMMAD FAIRUZ JUMAIN**

SHAH ALAM - Pas memberi jaminan bahawa parti tersebut tidak akan mengepulkan kepentingan, hak dan nasib orang Melayu sekiranya Pakatan Rakyat (PR) berjaya menguasai Putrajaya pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) nanti.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, walaupun Pas lebih mengutamakan perjuangan Islam, namun parti ini akan terus mempertahankan orang Melayu yang merupakan masyarakat majoriti di negara ini.

Menurutnya, tugas mempertahankan Melayu bukan hanya terletak di tangan parti UMNO, tetapi ia adalah tanggungjawab semua parti termasuklah Pas, begitu juga kepentingan kaum-kaum lain.

"Islam tidak dijadikan agenda perjuangan Melayu atau kaum-kaum tertentu

sebagai keutamaan, adakah orang Melayu akan mundur tanpa bantuan UMNO?

"Bagi Pas orang Melayu perlu diutamakan dalam perjuangan kerana ia adalah kaum terdahulu di Malaysia," kata beliau pada majlis perasmian Konvensyen Nasional Pengupayaan Bangsa: Jaminan Pas di sini hari ini.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan turut mengingatkan umat Islam agar berpegang teguh kepada agama kerana Islam adalah pemberian terbesar Allah SWT kepada umat manusia.

"Walaupun kaum yang paling dominan di negara ini adalah orang Melayu, perlu diingatkan Islam adalah pemberian Allah SWT.

"Menurut Islam, jika guna sekular sebagai ideologi sama bermaksud menolak Islam tetapi hari ini UMNO jaga Islam pun tidak, jaga Melayu pun tidak," katanya.



Selain itu, Nik Aziz turut menegaskan bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang digubal untuk membantu orang Melayu dan bumiputera sejak 41 tahun lalu gagal kerana UMNO-Barisan Nasional (BN).

"DEB untuk orang Melayu dan Bumiputera telah digagalkan pemimpin UMNO. Mereka gagal walaupun telah diberi tempoh yang amat panjang.

"Ia satu pengkhianatan yang dilakukan secara sistemik oleh pemimpin BN dan tolak hak orang Cina, orang India, orang Iban dan

orang Kadazan," katanya.

Sebaliknya menurut Nik Aziz, DEB diwujudkan hanya untuk membantu kroni-kroni UMNO-BN selain digunakan untuk mendapatkan sokongan orang Melayu secara terus-menerus.

Sementara itu, Naib Presiden Pas, Datuk Mahfuz Omar berkata, konvensyen berteraskan Melayu ini diadakan bagi menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan sebelum ini.

"Untuk menjawab tuduhan-tuduhan liar, fitnah dan tohmahan, Pas mengadakan konvensyen hari ini sekali gus mendedahkan pengkhianatan yang dilakukan UMNO-BN.

"Ia juga bertujuan untuk membentuk keyakinan orang Melayu dan Bumiputera bahawa Pas dan Pakatan Rakyat akan mempertahankan hak dan kepentingan mereka," kata beliau yang juga Ahli Parlimen Pokok Sena.